

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Tarikh : 11 Januari 2024**

**Bil. 1/2024**

**No. Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2**

---

### **PENGGUNAAN LOGO RASMI DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS):**

- i. 30 TAHUN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS);**
- ii. ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2022; DAN**
- iii. PENGGUNAAN SEBARANG LOGO YANG MEMBAWA NILAI PRESTIJ KEPADA UNIVERSITI ATAU JAFPIB**

### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan bagi memaklumkan penggunaan logo rasmi di UMS iaitu 30 tahun UMS, logo Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 dan penggunaan sebarang logo yang membawa nilai prestij kepada universiti atau JAFPIB.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 UMS merupakan sebuah universiti awam (UA) ke-9 yang ditubuhkan di Malaysia. Pada tahun 2024, UMS akan menyambut jubli mutiara sempena sambutan ulang tahun penubuhannya yang ke-30 tahun.
- 2.2 Pada 25 Oktober 2023, Majlis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara telah diadakan dan UMS telah memenangi dua (2) Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tahun 2022 iaitu Organisasi Terbaik kategori Institut Pendidikan Tinggi dan kategori Ketua Pengawai Eksekutif (Sektor Awam) yang dimenangi oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor, Naib Canselor UMS.
- 2.3 UMS dan JAFPIB telah menerima beberapa pengiktirafan pensijilan yang berprestij seperti pensijilan akreditasi dan pengiktirafan kualiti.
- 2.4 Pada 9 Januari 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Kali Ke-359 (Bil.1/2024) telah bersetuju dengan penggunaan logo rasmi di UMS iaitu 30 tahun UMS, logo Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 dan penggunaan sebarang logo yang membawa nilai prestij kepada universiti atau JAFPIB.

### 3.0 PELAKSANAAN PENGGUNAAN LOGO

#### 3.1 Logo 30 tahun UMS

- i. Logo jubli mutiara UMS hendaklah digunakan dalam semua bahan bercetak dan digital sepanjang tahun 2024.
- ii. Susunan penggunaan logo hendaklah sentiasa berada di sebelah kanan logo UMS bagi format kepala surat rasmi.
- iii. Bagi penggunaan lain, susunan logo hendaklah sentiasa berada di bahagian bawah (kiri, kanan atau tengah).
- iv. Mengguna pakai garis panduan penggunaan logo Sambutan Ulang Tahun Penubuhan (30 Tahun) UMS.

#### 3.2 Logo Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022

- i. Pihak Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan Garis Panduan Pengenalan dan Penggunaan Logo Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan terbitan tahun 2020. Berdasarkan garis panduan tersebut, UMS yang telah memenangi Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah layak untuk mengguna logo anugerah.
- ii. JAFPIB boleh menggunakan logo dan nombor daftar anugerah KKP di kepala surat, kad nama, banting, banner dan lain-lain tempat yang bersesuaian dengan syarat-syarat seperti di bawah:
  - (a) Logo dan nombor daftar hanya boleh digunakan oleh syarikat/agensi/ individu yang telah memenangi Anugerah KKP Negara sahaja.
  - (b) Tempoh sah laku penggunaan logo dan nombor daftar adalah selama dua (2) tahun dari tarikh daftar.
  - (c) Untuk memperbaharui tempoh penggunaan logo tersebut, syarikat/agensi/individu perlu menyertai Anugerah KKP Negara sebelum tamat tempoh.

#### 3.3 Penggunaan sebarang logo yang membawa nilai prestij kepada universiti atau JAFPIB

- i. Penggunaan sebarang logo yang membawa nilai prestij kepada universiti atau JAFPIB sebagai contoh pensijilan akreditasi, pengiktirafan kualiti dan seumpamanya. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) logo maka JAFPIB perlulah memilih salah satu (1) yang terbaik dan berprestij bagi menggambarkan kecemerlangan entiti berkenaan.
- ii. Pada masa sekarang, beberapa pengiktirafan yang berprestij telah diperolehi antaranya pengiktirafan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO45001:2018) oleh badan Pensijilan Niosh Certification Sdn. Bhd. kepada 44 buah JAFPIB di UMS seperti pada **Lampiran A**.

- 3.4 Penggunaan moto Bertekad Cemerlang menggantikan logo EcoCampus UMS, logo Transformasi Ke Arah Universiti Industri 4.0 UMS dan logo Kampus Rahmah UMS di bawah sebelah kiri untuk cetakan banting, banner dan seumpamanya.
- 3.5 Contoh penggunaan logo adalah seperti berikut:
- i. Penggunaan logo 30 tahun UMS dan Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 bagi format surat rasmi semua JAFPIB adalah pada **Lampiran 1**.
  - ii. Penggunaan logo 30 tahun UMS dan Anugerah Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 bagi semua JAFPIB dan Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) ISO45001:2018 bagi format surat rasmi JAFPIB yang tersenarai dalam skop Pensijilan SPKKP adalah pada **Lampiran 2**.
  - iii. Penggunaan logo 30 tahun UMS, Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 dan moto Bertekad Cemerlang hendaklah digunakan dalam semua bahan cetakan dan digital mengikut kesesuaian seperti contoh pada **Lampiran 3**.
- 3.6 Logo 30 tahun UMS, logo Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2022 dan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) boleh di muat turun melalui [pautan](#) ini.

#### 4.0 TARIKH KUAT KUASA


- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 sehingga tamat tempoh yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Universiti.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**LUQMAN RIDHA ANWAR**  
Pendaftar

Tarikh: 11 Januari 2024

- s.k. ☞ Naib Canselor  
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
☞ Bendahari  
☞ Penasihat Undang-Undang  
☞ Ketua Pustakawan

**SENARAI JAFFIB YANG TERSENARAI DALAM SKOP PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPKKP) DI UMS**

BIL	JAFFIB	SINGKATAN
1	PUSAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	PKKP
2	PEJABAT CANSITORI	CANSITORI
3	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	JTMK
4	PUSAT PENGURUSAN ECOCAMPUS	PPEC
5	PUSAT ISLAM UMS	PIUMS
6	PEJABAT AUDIT DALAM	PEJ. AD
7	FAKULTI SAINS DAN SUMBER ALAM	FSSA
8	PUSAT MINDA LESTARI	PML
9	PERPUSTAKAAN	PERPUSTAKAAN
10	INSTITUT PENYELIDIKAN BIOTEKNOLOGI	IPB
11	FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN	FPSK
12	PUSAT PERSEDIAAN SAINS DAN TEKNOLOGI	PPST
13	PUSAT DATA DAN PENGURUSAN MAKLUMAT	PPDM
14	PUSAT PELABURAN, ENDOWMEN DAN WAKAF	CIEW
15	INSTITUT PENYELIDIKAN MARIN BORNEO	IPMB
16	PUSAT PENGURUSAN NR DAN FASILITI PERUMAHAN (PNRF)	PNRF
17	KOLEJ KEDIAMAN TUN MUSTAPHA	KKTM
18	KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD	KKTF
19	KOLEJ KEDIAMAN TUN PENGIRAN AHMAD RAFAEI	KKTPAR
20	KOLEJ KEDIAMAN 1 BORNEO	KK1B
21	KOLEJ KEDIAMAN ANTARABANGSA KINGFISHER	KKAKF
22	KOLEJ KEDIAMAN LESTARI, SANDAKAN	KKLESTARI
23	KOLEJ KEDIAMAN UMSKAL, W.P LABUAN	KKUMSKAL
24	GALERI AZMAN HASHIM UMS	GAH-UMS
25	PUSAT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK	PPKA
26	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	BPSM
27	BAHAGIAN KEPIMPINAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT	BKePT
28	BAHAGIAN PENTADBIRAN & GOVERNAN	BPG
29	PEJABAT PENTADBIRAN BAHAGIAN KESELAMATAN UMS	BKUMS
30	PUSAT PENGURUSAN STARTEGIK	PPS
31	PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT	PKK
32	FAKULTI PERHUTANAN TROPIKA	FPT
33	PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG	PPUU
34	PUSAT PENGANTARABANGSAAN DAN PENGLIBATAN GLOBAL	PPPG
35	PUSAT INSTRUMENTASI DAN PERKHIDMATAN SAINS	PIPS
36	FAKULTI KEJURUTERAAN	FKJ
37	JABATAN BENDAHARI	BEN
38	FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUANAN	FPEP
39	JABATAN HAL EHWAL PELAJAR	JHEP
40	PUSAT KERJAYA DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN PELAJAR	PKPKP
41	PUSAT JAMINAN KUALITI	CQA
42	PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA	PPIB
43	PUSAT KOLABORASI DAN LIBATSAMA INDUSTRI	PKLI
44	PUSAT KELESATARIAN DAN LIBATSAMA MASYARAKAT	PKLM



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



### JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000  
Faks : +6088-320243 / 320047  
Emel : [papenums@ums.edu.my](mailto:papenums@ums.edu.my)



Logo 30 tahun UMS

Logo Anugerah  
Keselamatan dan Kesihatan

# LAMPIRAN 1





**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



### JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000  
Faks : +6088-320243 / 320047  
Emel : [papenums@ums.edu.my](mailto:papenums@ums.edu.my)



Logo 30 tahun UMS

Logo Anugerah Keselamatan dan Kesihatan

# LAMPIRAN 2

Logo Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) ISO45001:2018





Certified to ISO9001:2015  
Cert. No: QMS 01200



ISO 45001 CERTIFIED  
Cert No: O-174/21

BERTEKAD CEMERLANG

**CONTOH SUSUNAN LOGO**  
(banting, banner dan lain-lain tempat yang bersesuaian)



Moto Bertekad Cemerlang



